

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin  
Idris  
[ Jerantut ]**

**NO. SOALAN : 69**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk menyediakan skim perkhidmatan yang lebih baik kepada petugas-petugas yang berkhidmat dengan KEMAS di seluruh negara dan jika tiada apakah pendirian Kerajaan terhadap sumbangan yang telah mereka berikan selama ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah dan sedang membuat penambahbaikan dari segi gred perjawatan kakitangan KEMAS. Sebagai contoh mulai tahun 2010, Pemaju Masyarakat KEMAS gred N11 telahpun dinaikkan kepada gred S17 manakala Pemaju Masyarakat TABIKA/TASKA KEMAS gred N11 telah dinaikkan kepada gred S27.

Pada masa kini juga, Jabatan sedang di peringkat akhir membuat kajian terhadap perjawatan lantikan kontrak dan tetap di peringkat Daerah, Negeri dan Ibu Pejabat bagi membolehkan lebih banyak peluang kenaikan pangkat dan kemajuan kerjaya diberikan kepada kakitangan KEMAS.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL**  
**[ PAYA BESAR ]**

**SOALAN : 70**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah penyelidik tempatan yang menggiatkan diri secara aktif dalam penyelidikan dan pembangunan terhadap teknologi dan produk baharu serta setakat mana penemuan penyelidikan tempatan telah memberi impak dan manfaat kepada masyarakat dan negara.

**JAWAPAN**


**Tuan Yang di-Pertua**

Angka yang terbaharu dari segi jumlah penyelidik yang aktif menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah seramai 75,257 sehingga tahun 2012. Sila rujuk Rajah 1.

Daripada jumlah tersebut, seramai 64,962 penyelidik adalah daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT), 6,247 orang penyelidik daripada Sektor

Perniagaan serta 4,048 orang penyelidik pula daripada Agensi dan Institut Penyelidikan Kerajaan. Peratus pertambahan penyelidik adalah meningkat sebanyak 2% jika dibandingkan dengan tahun 2011.

**Rajah 1: BILANGAN PENYELIDIK DARIPADA TAHUN 2000 – 2012**



(\*) Data Provisional

Sumber: Kajian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kebangsaan 2013, MASTIC

**Tuan Yang di-Pertua,**

MOSTI terlibat dalam mengendalikan dana-dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) bermula pada Rancangan Malaysia Ke-7 dengan pengenalan program penyelidikan *Intensification of Research in Priority Area (IRPA)* dan *Industrial Grant Scheme (IGS)*.

Sejumlah **4,566 projek** telah diluluskan melalui dana R&D MOSTI dengan kos berjumlah **RM2.9 bilion**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **3,851**

**projek telah berjaya disiapkan**, manakala selebihnya di pelbagai peringkat pelaksanaan. Sehingga kini, bilangan saintis yang dapat dilahirkan dari projek-projek di bawah RMKe-9 adalah seramai **74 Post Doctoral, 1,751 PhD, 3,863 Sarjana dan 2,244 Ijazah Pertama**.

Mulai tempoh RMKe-9 kerajaan telah memberi penekanan kepada usaha pengkomersilan di samping R&D. Daripada jumlah **RM2.9 bilion** dana yang disalurkan kepada 4066 projek yang diluluskan, sebanyak 251 projek telah berjaya dikomersilkan dan menjana nilai jualan berjumlah **RM2.6 bilion**. sebanyak **314 projek telah dikomersialkan dan 1,172 projek mempunyai potensi untuk dikomersilkan**. Daripada projek yang dikomersialkan ini, sebanyak **14,388 peluang pekerjaan** telah diwujudkan.

Dari segi penjanaian ilmu pengetahuan, **11,261 penerbitan nasional** telah dihasilkan yang mana majoritinya dari projek ScienceFund di samping **5,453 penerbitan antarabangsa**. **Sebanyak 2,627 harta intelek** dalam bentuk paten, cap dagangan, hak cipta dan reka bentuk industri turut difailkan. Selain daripada itu, sebanyak **1,232 anugerah** peringkat dalam dan luar negara telah diterima.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), sejumlah **1,436 projek telah diluluskan** dengan nilai pembiayaan berjumlah **RM661.18 juta**. Sebanyak **195 projek** telah berjaya disiapkan. Sehingga kini, bilangan saintis yang dapat dilahirkan daripada projek-projek RMKe-10 ialah **8 Post Doctoral, 114 PhD, 195 Sarjana dan 321 Ijazah Pertama**.

Sebanyak **873 penerbitan nasional dan antarabangsa** telah dihasilkan yang mana majoriti daripadanya projek ScienceFund serta **sebanyak 247 harta intelek** dalam bentuk paten, cap dagangan, hak cipta dan reka bentuk industri turut difailkan. Selain daripada itu, sebanyak **130 anugerah** peringkat dalam dan luar negara telah diterima.

Sejumlah **RM387.50 juta nilai jualan** telah dijana. Di samping itu, sebanyak **49 projek telah dikomersialkan** dan **101 projek mempunyai potensi untuk dikomersialkan**. Daripada projek yang dikomersialkan ini, sebanyak **3,355 peluang pekerjaan** telah diwujudkan.

Sekian, terima kasih.